



# KOPI PAHIT

Dalam penyata bersama Perikatan UMNO-MCA sebanyak 32 orang calon telah dicadangkan untuk bertanding di dalam Pilihanraya Federal. Daripada 32 orang calon itu adalah 16 orang calon Cina dan 16 orang Melayu-50-50. Yang demikian ini disebut oleh E. Sa'don Zubair sebagai seperkara yang adil sekalipun pengundinya 90 peratus daripada orang-orang Melayu. Ini ialah satu langkah yang baik kerana "bertimbang rasa" kepada rakan tetapi adakah orang-orang Melayu sependapatan dengan cita-cita pimpinan UMNO dengan cara memilih wakil-wakilnya dengan 50-50 itu? Jawabnya terpelang kepada luas fikiran dan perhaian ahli-ahli UMNO sendiri! Bolehkah ia disebut perjuangan untuk bangsa Melayu?

\* \* \*

Kerana kerajaan Mesir sebuah "Kerajaan Islam" dan telah pula memberi bantuan yang besar kepada Kolej Islam di Malaya maka kedatangan menteri dalam negerinya, Anwar Sadat, telah mendapat keraian yang baik khususnya oleh orang-orang Islam di Singapura. Keraian yang demikian itu bagus tetapi seperkara yang patut diingat apakah orang-orang Islam di sini lupa akan apa yang terjadi kepada ahli-ahli Ikhwān al-Muslimīn di sana yang telah banyak jadi korban kerajaan 'Abdul Nāṣr yang ada sekarang? Ingatlah bahawa saudara-saudara kita telah jadi korban kerajaannya!

\* \* \*

Di Medan, satu tali pertunangan telah diikat di antara seorang wanita dengan seorang teruna. Ikatan itu telah berjalan hampir-hampir setahun lamanya dan apa kala sampai masa hendak langsung pihak perempuan telah menolak dan memulangkan tanda-tanda pertunangan itu sebabnya ialah kerana pihak perempuan mengetahui bahawa lelaki itu orang Parti Kebangsaan

Indonesia yang bebas dalam hal agama. Ia telah tak mau bersuami dengan orang yang bukan Islam tulen kerana faham kebangsaan itu adalah faham yang melawan Islam dan memperain-mainkan Islam yang ditegah Tuhan. Adakah wanita-wanita Islam di Malaya berbuat begitu pula kepada orang-orang kebangsaan yang melawan Islam?

\* \* \*

Kaum-kaum ibu nampaknya harus bergembira dengan keterangan Anwar Sadat yang mengatakan tidak boleh kahwin dua-beristeri hanya satu sahaja. Kerana kegembiraan itu pula lalu mereka bermesyuarat hendak menuntut ada perwakilannya di dalam Majlis Agama Penasihat Kerajaan dan ada pula kelak wakil-wakil mereka di dalam mahkamah syariah. Jika jadi ditubuhkan nanti di Singapura ini. Tuntutan itu bagus tetapi apa tidakkah lebih molek jika wanita-wanita yang hendak bergerak itu mempelajari hal ehwal agamanya dan hukum-hukum syarak kerana apakah gunanya mereka di majlis itu kelak jika hanya bercakap mengikut kemahuan untuknya sahaja- tidak dengan pengetahuan agamanya kerana masih banyak daripada mereka yang buta huruf tentang agama mereka sendiri. Berkumpul kerana belajar dahulu bukan lebih baik?

\* \* \*

Doktor Zaki Muhammad dikatakan telah berkata bahawa ia tidak begitu percaya kepada pertubuhan-pertubuhan siasah yang ada sekarang dan sebab itu menghendaki penuntut-penuntut di Kolej Islam supaya menjauhi daripada campur politik. Perkataannya telah disambut oleh orang-orang politik. Kita fikir perkataannya betul sebab sebagai sifat seorang mahaguru Islam tentulah ia tahu bahawa bagi orang Islam perjuangan mereka adalah semata-mata kerana Islam sahaja-menegakkan cita-cita supaya berjalan hukum Islam di dalam tiap-tiap tanah air orang Islam dengan tidak ada lain daripada itu kerana itulah perjanjian dan pengakuan seorang Islam. Adakah salah yang demikian? Harus salah kepada orang-orang yang memakai Islam sekerat-sekerat sahaja- Cemeti al-Farouk.